

Headline	PNB tidak terlibat beli bon sukuk 1MDB		
Media Title	Kosmo		
Date	14 May 2015	Color	Full Color
Section	Niaga	Circulation	218,251
Page No	51	Readership	654,753
Language	Malay	ArticleSize	58 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 744
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,231



## PNB tidak terlibat beli bon sukuk 1MDB

KUALA LUMPUR – Permodalan Nasional Bhd. (PNB) tidak terlibat dalam pembelian bon sukuk yang diterbitkan 1Malaysia Development



Bhd. (IMDB). “PNB juga tidak menerima sebarang tawaran daripada IMDB,” kata pengurusan dana negara itu dalam

syarikat

satu kenyataan yang dikeluarkan di sini semalam.

PNB mengulas mengenai laporan dalam talian semalam yang menyatakan IMDB menerbitkan bon Islam bernilai RM1.5 bilion

masing-masing kepada PNB dan Lembaga Tabung Haji.

Laporan itu memetik Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli sebagai berkata, PNB membeli bon sukuk daripada IMDB. – Bernama